

NOW TRENDING:



MENU



# IJM CORP DAPAT KONTRAK PUSAT BELI BELAH RM1.16 BILION

    Share

| February 23, 2017 | Uncategorized | [No Comments](#)

    Share

KUALA LUMPUR: Anak syarikat IJM Corporation Bhd, IJM Construction Sdn Bhd, memperoleh kontrak bernilai RM1.16 bilion daripada MFBBCC Retail Mall Sdn Bhd.

Syarikat itu dalam satu kenyataan, berkata projek itu adalah untuk mereka bentuk dan membina struktur utama serta sokongan pusat beli belah yang terkait dengan infrastruktur setempat dan kerja landskap (parsel satu, fasa satu pembangunan Bukit Bintang City Centre) di Jalan Hang Tuah/Jalan Pudu di sini.

Projek itu meliputi satu blok gedung beli-belah setinggi tujuh tingkat, termasuk satu aras bawah dan satu tingkat bilik kejuruteraan di atas pusat meletak kereta enam tingkat, yang terdiri daripada dua tingkat bawah dan empat tingkat bawah tanah.

Tempoh pembinaan projek adalah selama 40 bulan. – BERNAMA

(BHONLINE)

[4690343]